



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI KOMUNITI KRT 2023: KEMPEN KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI

30 JANUARI 2023, Rawang, Selangor – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini melancarkan Program Pemerksaan Projek Ekonomi Komuniti KRT: Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai bertempat di KRT Ivory 1, Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan sosial dan peningkatan pendapatan komuniti KRT bagi memastikan kemampuannya terutama dalam mendepani krisis ekonomi yang berlaku sekarang.

Projek ini melibatkan kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara dengan BioLestari yang dilaksanakan secara rintis melibatkan 94 KRT di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Menurut YB Menteri, pelaksanaan projek ini bertujuan untuk membantu komuniti KRT menjana pendapatan daripada penjualan minyak masak terpakai dan sekaligus membantu mengurangkan beban golongan yang terjejas dengan kos sara hidup yang meningkat.

Usaha ini juga adalah selari dengan seruan Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri iaitu untuk membantu mengatasi masalah kos sara hidup rakyat yang terkesan berikutan keadaan ekonomi global yang dijangka begitu serius tahun ini.

Projek rintis ini akan dilaksanakan selama tiga (3) bulan. Pemantauan serta penilaian akan dilakukan dari semasa ke semasa sebelum pihak Kementerian dan BioLestari memperluaskan projek ini kepada KRT-KRT yang lain di seluruh negara.

Projek Ekonomi Komuniti KRT telah dimulakan pada tahun 2000 apabila Kerajaan memperkenalkan konsep *pembangunan komuniti* untuk memperkasakan lagi peranan KRT di Malaysia. Sehingga kini, antara projek ekonomi yang dilaksanakan oleh KRT ialah Kebun Komuniti KRT, kraftangan, ternakan, katering, jahitan dan produk makanan. Justeru, KPN juga sedang mempergiatkan lagi usaha untuk memperluaskan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, GLC, swasta dan NGO agar projek ekonomi KRT dapat dipelbagai dan diperkembangkan lagi.

YB Menteri turut menyeru agar kepimpinan KRT di seluruh negara sentiasa meningkatkan daya usaha dan kreativiti untuk meneroka peluang, projek serta program-program baharu yang berimpak tinggi kepada komuniti setempat sejajar dengan fokus Kementerian untuk membangunkan ***Komuniti Rahmah***. Dalam mendepani isu dan cabaran semasa, YB Menteri turut berharap agar KRT dapat bertindak secara lebih pro-aktif dan sentiasa mengambil pendekatan “peduli” kepada keperluan komuniti mereka.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan Negara)

30 Januari 2023

-TAMAT-

Pertanyaan media

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No Tel : 019-267 1075 (Cik Tengku Nor Liza), 019-39239 379 (Jasittha)

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No rujukan: JPN.01/483/12 (3)